

RUU Perhimpunan Aman: PM tindak lebih kuasa, dakwa tiga pemimpin PAS
The Malaysian Insider
12 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 12 Dis — Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu memfailkan permohonan kebenaran bagi semakan kehakiman terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan kerajaan Malaysia berhubung pembentangan Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman 2011 di Parlimen.

Saman pemula itu difailkan oleh Mohamad atau lebih dikenali sebagai 'Mat Sabu' dan dua yang lain iaitu Ahli Parlimen Kuala Krai Dr Mohd Hatta Md. Ramli dan Anggota Parlimen Kuala Selangor Dr Dzulkefly Ahmad di Mahkamah Tinggi di sini melalui Tetuan Mohamed Hanipa & Associates pada 2 Disember lalu.

Mereka selaku pemohon menamakan Najib, yang juga Ahli Parlimen Pekan dan kerajaan Malaysia sebagai responden.

Laporan Bernama Online menyebut, Hakim Datuk Rohana Yusuf kemudiannya menetapkan Khamis ini untuk mendengar permohonan itu selepas menemui Peguam Kanan Persekutuan Muzila Mohamed Arsad yang mewakili responden dan peguam Mohamed Hanipa Maidin yang mewakili pemohon di kamar hari ini.

Dalam saman pemula itu ketiga-tiga mereka memohon perintah deklarasi bahawa responden telah bertindak melebihi kuasa dan menyalahgunakan kuasa apabila memperkenalkan dan membentangkan rang undang-undang itu di Parlimen bagi tujuan menjadikannya sebagai undang-undang/akta yang boleh dikuatkuasakan, meskipun ia mengandungi peruntukan-peruntukan yang bercanggah dengan Perkara 10(1)(b) dan 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan.

Mereka juga memohon perintah larangan bagi melarang responden-responden daripada terus bertindak melebihi kuasa mereka dengan melarang responden meneruskan segala proses bagi menjadikan rang undang-undang itu sebagai Akta yang boleh dikuatkuasakan.

Ketiga-ketiga mereka juga memohon satu perintah bagi memaksa responden-responden mengambil langkah yang perlu dan wajar sama ada menarik balik rang undang-undang itu atau membuat pindaan yang perlu agar ianya selaras dengan peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, mereka memohon semua arahan dan perintah yang perlu dan berbangkit diberikan dan perintah-perintah lain yang difikirkan sesuai dan wajar oleh mahkamah.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ruu-perhimpunan-aman-pm-tindak-lebih-kuasa-dakwa-tiga-pemimpin-pas/>